

Kejohanan Silat Tomoi di Alor Star

24 AUG 1988

B. Marlan (M)

PENCAT SILAT

KELAB Sukan dan Seni Silat Tomoi Alor Star dengan kerjasama Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kota Star akan menganjurkan pertandingan Silat Tomoi (tinju Siam) di Dewan Datuk Syed Omar, Alor Star pada 26 September ini.

Pengerusi kelab, Lim Chin Guan berkata pertandingan ini bertujuan mempopularkan silat tomoi di negeri itu.

"Ramai belia meminati sukan ini dan mempelajarinya tetapi belum pernah diadakan sebarang pertandingan untuk membolehkan mereka menguji pencapaian masing-masing," katanya.

Pertandingan ini terbuka kepada peminat tomoi di negeri ini yang berumur 15 tahun ke atas.

Bagaimanapun mereka mesti menjalani ujian kesihatan sebelum mengambil bahagian. Pihak pengajar menyediakan seorang doktor pada hari pertandingan untuk tujuan itu.

Pendaftaran untuk menyertai pertandingan boleh dibuat di Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kota Star, Tingkat 4, Wisma Persekutuan, Jalan Kampung Baru, Alor Star atau telefon 723200. Saringan akan diadakan pada 16 September.

SILAT UNDANGAN ANTARABANGSA

Enam negara Eropah sambut undangan Persisi

25 AUG 1988

Oleh MOHD SANI ALI

PARA pesilat dari enam buah negara Eropah mengesahkan penyertaan mereka dalam Kejohanan Silat Undangan Antarabangsa, di Dewan Sukan Bedok mulai malam ini.

Ini telah disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Haji Rahim Dayan, yang juga merupakan naib presiden pertama Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Menurut Haji Rahim, Belanda mengirimi nama enam pesilat seperti yang ditetapkan ke atas setiap negara yang diundang.

"Austria pula akan mengirimi dua pesilat mereka. Mulanya mereka menyenaraikan empat pesilat, tetapi dua daripadanya tidak dapat ke Singapura kerana terlibat dalam kemalangan jalan raya.

"Salah seorang darinya patah kaki-

nya. Malangnya mereka tidak dapat mencari pengganti hingga saat-saat akhir," kata Haji Rahim.

Selain dari Austria, Yugoslavia juga bersedia mengirimi 10 pesilat. Namun begitu, pihak penganjur mengutuskan kawat balas agar mereka mengurangkan bilangan peserta itu kepada enam saja.

"Buat masa ini pasukan Yugoslavia belum lagi mengirimi sebarang berita selepas kawat tersebut dikirimi kepada mereka. Begitupun saya yakin mereka akan menyertakan para pesertanya ke sini."

Jerman Barat, Surinam dan United Kingdom, yang pada awalnya bersedia mengambil bahagian, masih belum mengirimi senarai penuh pesilatnya.

"Australia juga mengesahkan pasukannya akan diwakili oleh empat pesilat," sambung Haji Rahim.

Selain dari tujuh negara yang disebutkan, Amerika Syarikat dan Filipi-

na, juga masih belum mengirimi senarai pesertanya.

"Apa yang memeranjatkan kami ialah dua buah lagi negara, Tanzania dan Jepun, buat julung-julung kalinya akan mengambil bahagian dalam kejohanan ini.

"Undangan ke negara-negara tersebut telah dilakukan oleh badan induk Persatuan Silat Antarabangsa (Pesilat) yang beribu pejabat di Jakarta," jelas Haji Rahim mengenai kehadiran dua pasukan muka baru itu.

Tiga negara Asean — Malaysia, Brunei dan Indonesia — mengesahkan penyertaan mereka dengan masing-masing mengirimi senarai penuh nama enam pesilat lelaki dan lima pesilat wanita untuk ke sini.

Semua para peserta dijangka hadir pagi ini, dan akan ditempatkan di Institut Kepimpinan Belia Nasional di Buona Vista.